



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA**  
**DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**  
Bagi Minggu Epid 40/2009 (4 hingga 10 Oktober 2009)

Jumlah kes yang dilaporkan pada minggu lepas (4 hingga 10 Oktober 2009) menurun sebanyak 33 kes (6%) banding dengan minggu sebelumnya. Sejumlah 552 kes dengan 1 kematian dari Negeri Perak dilaporkan pada minggu tersebut berbanding 585 kes minggu sebelumnya.

Walau pun jumlah kes mingguan demam denggi menurun tetapi terdapat 7 negeri yang menunjukkan peningkatan kes iaitu Kelantan meningkat 22%, Kedah 20%, Johor 18%, Sabah 14%, Melaka 10%, Terengganu 7% dan Negeri Perak 6%. Jumlah kumulatif kes denggi menurun sebanyak 8% pada tahun 2009 iaitu sebanyak 32,560 kes dengan 72 kematian dilaporkan berbanding 35,227 kes dengan 78 kematian bagi tempoh sama pada tahun 2008. Maklumat pecahan kes mengikut negeri seperti dalam lampiran A.

Maklumat kes kematian denggi yang dilaporkan pada minggu ini adalah seperti berikut:-

- a) Pesakit seorang wanita berusia 52 tahun, dari Mukim Sayong, Daerah Kuala Kangsar, Perak. Sepanjang tahun 2009 tiada

wabak Denggi berlaku di mukim tersebut, kes terakhir dilaporkan pada minggu epid 26 melibatkan 1 kes sahaja.

- b) Pada 14 September 2009, pesakit mulai demam dan telah mendapatkan rawatan di sebuah klinik swasta yang terletak 3 km dari rumahnya. Pada keesokan harinya, oleh kerana masih demam, beliau telah mendapatkan rawatan di klinik swasta yang lain. Dua hari kemudian, iaitu pada 17 September 2009 sekali lagi pesakit ke klinik swasta meminta supaya dirujuk ke sebuah hospital swasta di Ipoh, yang merupakan hospital panel jabatan suaminya. Beliau telah disahkan menghidap demam denggi melalui ujian darah. Pada 18 September 2009, keadaan pesakit semakin teruk dan telah meninggal dunia pada keesokan harinya akibat komplikasi '*Dengue Shock Syndrome*'.
- c) Aktiviti pemeriksaan pembiakan *Aedes* (PPA) pada 23 September 2009 di kawasan ini, menunjukkan terdapat tempat pembiakan *Aedes* yang melebihi kadar sensitif, yang dijumpai di luar rumah iaitu di dalam tayar terpakai.
- d) Aktiviti semburan kabus telah dilakukan pada 19 September 2009 dan ulangan pada 23 September 2009 yang melibatkan 96 buah daripada 120 rumah dengan liputan 80%.

Sehingga kini, terdapat 15 lokaliti "hot spot" sedang dipantau diseluruh negara (Lampiran C,D dan E). Dukacita, di mana 5 lokaliti "hot spot" atau 33% masih lagi mempunyai kadar pembiakan *Aedes* yang tinggi (Lampiran F). Ini menyebabkan usaha untuk pencegahan jangkitan demam denggi menjadi sukar.

Aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan pada minggu ini ialah pengeluaran 316 kompaun bernilai RM 60,700 dan 348 notis arahan pembersihan untuk tujuan aktiviti pencegahan demam denggi.

Bagi penyakit Chikungunya, pada keseluruhannya sejumlah 231 kes telah dilaporkan dengan peningkatan 158 kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 73 kes. Terdapat 5 negeri yang menunjukkan peningkatan kes, peningkatan yang ketara pada minggu ini iaitu di Sarawak meningkat 143 kes (220%) dan Sabah meningkat 13 kes (130%). Terdapat 133 kes dilaporkan di 19 lokaliti wabak di Sabah dan Sarawak. Kes tertinggi (51 kes) dilaporkan di Sg. Bidut/Engkilo, Sibul, Sarawak. Tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di Lampiran B.

Walaupun kes denggi menunjukkan trend penurunan, masyarakat diminta meneruskan usaha melakukan pemeriksaan dan menghapuskan tempat pembiakan nyamuk *Aedes* seminggu sekali bagi memastikan kawasan di dalam dan persekitaran rumah mereka, bebas daripada pembiakan nyamuk *Aedes*. Segera dapatkan rawatan awal sekiranya anda mengalami demam bagi mengelakkan komplikasi akibat demam denggi yang boleh membahayakan nyawa pesakit.

**(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

12 Oktober 2009

## Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 40/2009  
(4 hingga 10 Okt. 2009)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2009	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 40/2008
		Minggu 40 (4 – 10 Okt. 2009)	Minggu 39 (27 Sept. – 3 Okt. 2009)		
1	Perlis	2	2	169	119
2	Kedah	6	5	635	1,011
3	P. Pinang	25	33	2,025	1,453 (1)
4	Perak	17 (1)	16	2,516 (2)	2,911 (9)
5	Selangor	200	200	15,793 (44)	14,975 (46)
6	WPKL & Putrajaya	42	47	3,037 (8)	4,022 (13)
7	N. Sembilan	20	25	742 (5)	1,063 (3)
8	Melaka	23	21	678 (3)	663 (2)
9	Johor	47	40	2,023 (3)	2,873 (17)
10	Pahang	12	16	707 (2)	932 (1)
11	Terengganu	29	27	807	1,358 (5)
12	Kelantan	11	9	906 (1)	1,961 (10)
13	Sarawak	94	123	1,662 (1)	1,004
14	Sabah	24	21	838 (3)	820 (2)
15	WP Labuan	0	0	22	62 (3)
	<b>Jumlah</b>	<b>552 (1)</b>	<b>585 (0)</b>	<b>32,560 (72)</b>	<b>35,227 (78)</b>

Nota:

( ) Kematian

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG  
DILAPORKAN PADA MINGGU 40 DAN 39 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 40 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 40 (4 – 10 Okt 2009)	Minggu 39 (27 Sept. – 3 Okt 2009)		
1	Perlis	0	0	33	3
2	Kedah	0	0	784	181
3	P. Pinang	2	6	328	6
4	Perak	0	0	401	590
5	Selangor	1	0	419	353
6	WPKL &Putrajaya	0	0	93	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	3	0	157	1,846
10	Pahang	0	0	71	341
11	Terengganu	0	0	58	4
12	Kelantan	4	2	432	135
13	Sarawak	208	65	664	3
14	Sabah	13	0	18	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>231</b>	<b>73</b>	<b>3,489</b>	<b>4,271</b>

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Lampiran C

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 10 Oktober 2009 (Mg 40)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Gombak	Tmn Pinggiran Bt Caves (Zon 3)	34	102
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B)	24	64
3	SELANGOR	MPSJ	PJS 7/15 (Pangsa)	11	58
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	11	57
5	SELANGOR	MPSJ	PJS 9	9	52
6	SELANGOR	MBSA	Tmn Desa Alam B Seksyen U12	32	46
7	SELANGOR	Gombak	Kg Laksamana (Ke 4)	9	45
8	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri Cheres	6	41
9	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	12	40
10	SELANGOR	Sepang	Taman Mawar 2	11	39
11	SELANGOR	MBSA	Apt Sri Permata, Seksyen 9	8	35
12	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	10	32
13	WPKL	Klang Lama	Kuchai Lama (De Tropicana Kondo)	7	38
14	JOHOR	MPPG	Flat Tmn Cendana Mukim Pelentong	29	96
15	TERENGGANU	KKM	Flat Polis Padang Hiliran	18	38

**Lampiran D****SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 40 (04 - 10 Oktober 2009)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H)	12	40
2	SELANGOR	MBSA	Appt Sri Permata, Seksyen 9	8	35
3	SELANGOR	Gombak	Taman Sri Gombak Fasa 8 & 9 (Zon 4)	10	32

**Lampiran E****SENARAI LOKALITI BEBAS “HOT SPOT” BAGI MINGGU 40 (04 - 10 Oktober 2009)**

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Daerah/Zon/ PBT</b>	<b>Lokaliti</b>	<b>Jumlah Kes</b>	<b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b>
1	SELANGOR	MBAJ	Pandan Indah (Zon 1)	6	34
2	SELANGOR	MBPJ	Ara Damansara PJU 1A	12	36
3	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Alam Jaya	4	32

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK  
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE-40**

Bil.	Negeri	Daerah / Zon / PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jumlah bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	Selangor	Gombak	Kg. Laksamana (Ke-4)	12.5%	13
2	Selangor	MPAJ	Taman Dagang (Zon B)	2.3%	5
3	Selangor	MBSA	Taman Desa Alam B Seksyen U12	1.9%	2
4	Selangor	Sepang	Taman Mawar 2	3.4%	4
5	Johor	MPPG	Flat Taman Cendana Mukim Plentong	1.3%	1